

SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1994

LARANGAN TERHADAP PENGLIBATAN PEGAWAI-PEGAWAI AWAM DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN DALAM AKTIVITI-AKTIVITI YANG BERKAITAN DENGAN AL-ARQAM

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Am ini adalah bertujuan untuk mengenakan larangan terhadap penglibatan pegawai-pegawai awam dan agensi-agensi Kerajaan dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-Arqam.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Negeri-Negeri seluruh Malaysia termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan telah mengeluarkan fatwa mengikut perundangan masing-masing, yang mengharamkan dua buku, iaitu bertajuk *Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan* yang ditulis Ashaari Mohammad dan buku bertajuk "*Manaqib' Riwayat Hidup Sheikh Mohammad bin Abdullah As Suhaimi* yang ditulis oleh Mohammad Taha As Suhaimi. Fatwa tersebut menetapkan bahawa kedua-dua buku berkenaan mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan syariah Islamiah. Fatwa itu juga mengharamkan pergerakan Darul Arqam @ Al-Arqam yang berpegang kepada ajaran dan fahaman yang terkandung di dalam buku-buku tersebut.

2.2 Fatwa-fatwa tersebut telah diwartakan mengikut tarikh-tarikh seperti disenaraikan dalam Lampiran kepada Surat Pekeliling Am ini. Kandungan-kandungan fatwa-fatwa ini adalah selaras dengan pengisytiharan yang dibuat oleh Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 5 Ogos 1994. Majlis Raja-Raja telah pun bersetuju dengan pengisytiharan Muzakarah Khas itu.

2.3 Pada 25 Ogos 1994, Menteri Dalam Negeri telah mengisytiharkan Al-Arqam sebagai satu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melalui perintah yang dibuat di bawah Seksyen (1) Akta Pertubuhan 1966 yang diwartakan sebagai PU(B) 381/94.

3. LARANGAN

3.1 Berikutan dengan pengharaman tersebut:

(a) semua pegawai dan agensi Kerajaan:

- (i) adalah dilarang sama sekali menjadi ahli atau pengikut pergerakan Al-Arqam;
 - (ii) tidak dibenarkan mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam apa jua aktiviti yang diadakan atau dianjurkan oleh Al-Arqam sama ada yang diadakan semasa waktu pejabat mahupun di luar waktu pejabat; dan
 - (iii) tidak dibenarkan membantu dengan apa jua cara sekalipun dalam mengembangkan pengaruh pergerakan Al-Arqam.
- (b) semua agensi, badan, persatuan dan kelab Kerajaan adalah tidak dibenarkan melibatkan penyertaan ahli-ahli dan pergerakan Al-Arqam dalam apa jua aktiviti yang diadakan atau dianjurkannya.
- (c) Semua agensi Kerajaan adalah dilarang membenarkan ahli-ahli dan pergerakan Al-Arqam menggunakan apa jua kemudahan Kerajaan:
- (i) untuk menjalankan atau membantu menjalankan apa jua aktiviti Al-Arqam termasuk mengadakan ceramah, kelas, persembahan kebudayaan, kesenian dan sebagainya; dan
 - (ii) untuk menyebarkan atau membantu menyebarkan apa jua penerbitan Al-Arqam termasuk buku, risalah, bahan-bahan bacaan, alat pandang dengar dan sebagainya.

4. **PEMAKAIAN**

4.1 Surat Pekeliling Am ini meliputi semua Agensi Kerajaan Persekutuan dan semua pegawai Kerajaan Persekutuan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri dan termasuk mereka yang memegang jawatan-jawatan dalam Badan-Badan Berkanun atau Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

5. **TARIKH KUATKUASA**

5.1 Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)
Ketua Setiausaha Negara
27 September 1994.

LAMPIRAN

**Perwartaan Pengisytiharaan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa
Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia Pada 5 Ogos 1994
Oleh Negeri-Negeri Dan Wilayah-Wilayah Persekutuan**

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Tarikh Warta</i>	<i>No. Warta</i>
1.	Negeri Sembilan	4.8.1994	NS PU 20/94
2.	Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan	11.8.1994	PU(B) 362
3.	Melaka	11.8.1994	M PU 13
4.	Selangor	11.8.1994	PU Sel. 105
5.	Johor	18.8.1994	J PU 26/94
6.	Perlis	18.8.1994	Ps PU Bil. 4
7.	Kedah	18.8.1994	K PU 10 Tambahan No. 7
8.	Terengganu	18.8.1994	T PU 1141/94
9.	Perak	18.8.1994	Pk. PU 16/94 Jld. 47 Bil. 17 Tambahan No.10
10.	Pulau Pinang	18.8.1994	PP 320/94
11.	Sarawak	19.8.1994	Swk. LN 4611
12.	Sabah	23.8.1994	Sbh. PU 530/94 Jld. XL(X) No. 34 Keluaran Khas
13.	Kelantan	25.8.1994	Kel. PU 516/94 Jld. 47 No. 17 Tambahan Istimewa
14.	Pahang	22.9.1994	Gazette Notification No. 952 Jld 47 No.19 Tambahan No. 1